

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 01 Jun 2017 14:49
To: UUM - All Staff
Subject: KELESTARIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

01 JUN 2017/ 06 RAMADHAN1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KELESTARIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI



IPQ ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) sekali lagi telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Juruaudit Kualiti Dalam Akademik (Siri 2) bagi memantapkan proses Audit Kualiti Dalam pada tahun ini selaras dengan proses transisi ISO 9001:2015. Bengkel pemantapan ini telah diadakan pada 29 dan 30 Mei 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, IPQ. Bengkel ini turut memberi pendedahan kepada Juruaudit tentang penambahan aspek pengurusan risiko di dalam pelaksanaan proses transisi ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015.

Pada hari pertama bengkel telah dikendalikan oleh perunding yang di lantik oleh UUM iaitu Puan Armpon a/p I Weng, *Principal Consultant* dari Global Jayamaju Sdn. Bhd. pendedahan terhadap keperluan ISO 9001:2015 yang perlu diberikan perhatian semasa proses audit berlangsung. Selain itu, aktiviti *Role Play* menggunakan *Turtle Diagram* turut dijalankan agar para juruaudit dapat mendalami keperluan ISO 9001:2015 dengan lebih jelas.

Pada hari ke dua, diteruskan dengan ceramah yang disampaikan oleh Prof. Dr. Rushami Zien Yusoff daripada Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Teknikal ISO Antarabangsa yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang pengurusan kualiti. Beliau telah menyentuh secara menyeluruh mengenai kelestarian Sistem Pengurusan Kualiti Universiti yang perlu disesuaikan dengan proses transisi ISO 9001:2008 ke ISO 9001:2015 supaya ianya dapat menjadi Sistem Pengurusan Kualiti yang boleh memayungi sistem-sistem akreditasi lain serta selaras dengan Dasar dan Objektif Kualiti Universiti. Perbincangan dua hala dengan juruaudit turut dilaksanakan bagi mencari kaedah terbaik untuk melaksanakan proses pengauditan dengan lebih berkesan.

IPQ berharap agar dengan pendedahan dan latihan yang diberikan kepada para juruaudit ini akan dapat membakar semangat juruaudit untuk melaksanakan proses audit dalaman yang akan berlangsung tidak lama lagi. Akhir sekali, IPQ mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dari juruaudit yang hadir dalam bengkel tersebut.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.